


PM umumkan perairannya akan dilengkapi dengan

# LANGKAWI JADI PENERBANGAN

11 NOV 1991



L A N G K A W I

Oleh

Haji Rashid Haji Ahmad

kemudahan kapal berlabuh

# PUSAT TERPILIH

LAGI BERITA  
DAN GAMBAR  
DI MUKA 7  
DAN 9

**L**ANGKAWI 11 di rantau sebelah  
Nov.— Langkawi kini tidak lama lagi,  
akan dijadikan pusat kata Perdana Mente-  
perniagaan dan ri, Dato' Sri Dr. Ma-  
penerbangan terpi- hathir Mohamad,  
lih dan perkapala- hari ini.

Katanya, untuk tujuan itu satu kawasan khas yang cukup luas bersebelahan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi telah disediakan.

Sementara perairan Langkawi pula akan dilengkapi dengan kemudahan kapal-kapal berlabuh (MARINAS) dan tempat servis serta penyelenggaraan kapal bagi kawasan Pantai Barat Semenanjung.

Dalam pada itu, kata beliau, Terengganu telah dipilih sebagai pusat servis dan

LIHAT MUKA 2

## LANGKAWI PUSAT PENERBANGAN TERPILIH

penyelenggaraan kapal bagi kawasan Pantai Timur Semenanjung.

Beliau menambah, kemudahan yang sama juga akan dipertingkatkan di Labuan, Sabah yang kini menjadi pusat kawasan antarabangsa di luar pantai.

Bagi mencapai kedua-dua matlamat itu, Malaysia kata Dato' Sri Dr. Mahathir bercadang membenarkan pakar luar di bidang-bidang berkenaan menetap sementara di Langkawi dengan menyediakan berbagai-bagai kemudahan penginapan seperti banglo dan kondominium samaada untuk jualan, sewa atau pemilikan secara kongsi.

Sementara itu, lain-lain kemudahan seperti pasaraya juga turut disediakan.

Beliau berkata, oleh kerana Langkawi adalah zon bebas cukai semua peralatan dan kelengkapan bagi keperluan industri penerbangan dan perkapalan dibenarkan masuk ke negara ini untuk diproses dan dieksport semula dalam bentuk komponen tanpa dikenakan cukai dan lain-lain syarat.

Berucap di majlis pelancaran Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) '91 di sini hari ini, Perdana Menteri

menegaskan, Malaysia menyediakan berbagai-bagai insentif untuk para pelabur di bidang industri tersebut.

Dato' Sri Dr. Mahathir memberi jaminan para pelabur tidak akan menghadapi masalah kerana Malaysia mempunyai ramai tenaga pekerja mahir dan berdisiplin tinggi.

"Berdasarkan ramainya pelabur asing yang telah melabur di bidang pembuatan dan perkilangan, saya berpendapat mereka yang bercadang melabur di bidang industri penerbangan dan perkapalan tidak akan merasa kesal dengan langkah itu," ujanya.

"Dalam pada itu saya percaya dengan meningkatnya kemakmuran di rantau ini, pemilikan kapal-kapal persiaran mewah akan menjadi satu perkara biasa di kalangan rakyatnya tidak lama lagi," tambahnya.

Bagaimanapun, dewasa ini potensi pemasaran untuk kapal-kapal jenis itu belum lagi benar-benar diterokai sepenuhnya.

Justeru itu, Perdana Menteri mengajak para pelabur asing dan tempatan supaya mengadakan usaha sama mencebur diri dan merebut peluang dalam industri pembuatan kapal ini.